



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 DECEMBER 2016

DAKWAAN TUN M TIDAK BERASAS

UM-9/12/2016



**MOHAMED
KHALED
NORDIN**

SAJA merujuk entri terbaharu Tun Dr. Mahathir dalam blog beliau, *chedet*, cc bertarikh 6 Disember 2016. Saya kekal konsisten dengan pendirian tegas dan kenyataan saya sebelum ini mengenai dakwaan Tun Mahathir berkaitan 700,000 warga asing di Johor yang kononnya akan diberi kad pengenalan (IC) untuk menjadi pengundi sebagai tidak berasas, tidak bertanggungjawab dan berniat jahat untuk mengelirukan serta menakut-nakutkan rakyat.

Untuk rekod, dakwaan Tun Mahathir tersebut dibuat dalam satu siri ceramah anjuran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Pasir Gudang, Johor baru-baru ini. Dakwaan melulu beliau bukan sahaja tidak logik dan berasas, malah sangat tersasar daripada bersandarkan sebarang fakta dan mana-mana sumber yang sah.

Kedudukan semasa pemilihan hartanah oleh kepentingan asing di Johor

Bagi tempoh 2003 sehingga 30 November 2016, jumlah kelulusan permohonan kebenaran perolehan hartanah oleh kepentingan asing dalam rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor adalah sebanyak 29,218 unit. Angka tersebut adalah bagi pemilihan hartanah jenis bertanah (*landed property*) dan strata.

Jumlah pemilihan asing itu hanyalah 2.01 peratus daripada keseluruhan hak milik hartanah di Johor, iaitu sebanyak 1,452,931 unit. Sekiranya kita mengambil kira empat orang bagi setiap unit hartanah, berdasarkan anggaran Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sekurang-kurangnya 116,872 orang sahaja yang mengisi unit-unit hartanah yang dimiliki oleh orang asing itu.

Dan kesemua angka ini sangat jauh dan ternyata meleset daripada angka 700,000 seperti didakwa Tun Mahathir. Malah dalam entri terbaharunya, Tun menganggarkan Johor Bahru akan didiami oleh 1.5 juta warganegara asing. Jelas beliau tidak konsisten dengan angka yang digunakannya. Percanggahan angka ini dengan sendirinya menjawab bahawa dakwaan beliau sangat tidak berasas.

Pemberian kerakyatan Malaysia

Tun Mahathir yang pernah menjadi seorang Perdana Menteri sudah semestinya arif mengenai proses kelurahan undang-undang serta prosedur ketat berkaitan permohonan individu untuk mendapat kerakyatan sesebuah negara. Proses permohonan dan mendapatkan status warganegara Malaysia oleh orang asing adalah proses yang sukar, ketat dan memerlukan pertimbangan teliti kerajaan dalam pelbagai aspek. Malaysia adalah negara yang sangat tegas dan sukar untuk memberikan kerakyatan

Berilah ruang untuk Johor menjayakan cita-citanya menjadikan selatan tanah air ini moden, sejahtera dan maju. Seperti suatu ketika dahulu, kami memberi ruang kepada Tun menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya.

kepada warga asing. Malah ratusan ribu lagi mereka yang dilahirkan di Malaysia dan tinggal di negara ini begitu lama tetapi masih belum diberikan kerakyatan.

Kita juga tidak mempunyai dasar yang membolehkan sesiapa yang memiliki hartanah di dalam negara untuk layak memohon kerakyatan. Yang jelas, pemilikan hartanah di Malaysia tidak memberi sebarang keistimewaan dalam proses memohon status kewarganegaraan. Tun Mahathir perlu bersikap objektif dengan hakikat bahawa membuka peluang untuk pemilihan hartanah oleh warga asing di negara ini sama sekali berbeza dengan memberi kerakyatan. Jika sekalipun Tun mempunyai bukti sah bahawa terdapat sehingga 700,000 warga China akan diberikan kerakyatan Malaysia dalam masa terdekat, beliau boleh sahaja merujuk perkara tersebut kepada Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Ini kerana Muhyiddin masih seorang Ahli Parlimen dan boleh membawa usul tergegar perkara itu di Parlimen.

Laporan negatif media Barat

Saya juga amat kesal dengan sanjungan tinggi dan sikap pilih bulu Tun Mahathir terhadap segala laporan media Barat. Apabila *Bloomberg* melaporkan sesuatu yang negatif mengenai negara, Tun Mahathir memilih untuk merujuk dan mempercayai laporan berkenaan tanpa usul periksa.

Sebagai seorang negarawan bagi Malaysia yang moden, beliau pasti ingat betapa agresif dan konsistennya media Barat dalam memburuk dan memperkecil-kecilkan segala inisiatif pembangunan yang beliau perkenalkan. Apakah Tun Mahathir lupa tentang serangan konsisten dan sistematik media Barat terhadap pembangunan besar-besaran Putrajaya dan Cyberjaya serta pembinaan Petronas Twin Tower? Semuanya digambarkan sebagai pembaziran wang rakyat.

Begitu juga sewaktu Malaysia mengambil keputusan untuk tidak menerima preskripsi Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan sewaktu Tun Mahathir menyingkirkan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Justeru, amatlah wajar untuk Tun Mahathir, sebagai seorang yang sangat patriotik kepada tanah air, untuk mengambil pendirian dengan meminta penjelasan objektif daripada kerajaan Johor. Benarkah ada 60 projek yang

boleh diduduki seramai 1.5 juta warganegara asing?

Malah, sekalipun terdapat sehingga 60 projek pembangunan hartanah di Johor Bahru seperti yang didakwa, mana mungkin dapat diterima oleh akal yang ia akan dihuni oleh 1.5 juta warganegara asing. Jumlah kependudukan Johor Bahru sendiri pun hanyalah dalam lingkungan satu juta. Dan jika mengikut perkiraan Tun itu, ia bermakna setiap satu daripada 60 projek hartanah tersebut harus memuatkan sekurang-kurangnya 25,000 penghuni. Jumlah ini amat tidak masuk akal. Ini kerana, setiap projek hartanah, lazimnya memuatkan hanya 2,000 hingga 2,500 penghuni sahaja.

Hakikat yang perlu diterima oleh Tun adalah media asing akan terus skeptikal dengan apa jua kemajuan yang terlihat di Johor dan Malaysia. Bagi mereka, Malaysia yang berjaya adalah di luar kelaziman.

Keperluan Johor meneroka peluang pertumbuhan baharu

Sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, Johor perlu terus meneroka serta membongkar peluang pertumbuhan baharu dalam pelbagai sektor, termasuklah sektor hartanah dan perumahan. Ini bagi memastikan pertumbuhan pesat itu dapat disokong dengan pelbagai kemudahan, sekaligus memastikannya berlaku dengan terancang dan mampan.

Malah inilah juga yang dilakukan oleh Tun sewaktu memimpin negara ketika dahulu. Tun Mahathir melawat ke seluruh dunia, meyakinkan pelabur asing untuk melabur di Malaysia dalam pelbagai bidang dan projek. Jadi apa yang kami lakukan adalah meneruskan formula pertumbuhan yang ditunjukkan Tun sendiri.

Pada masa sama, dasar kesamuan pelaburan terus asing kita tidak pernah bersifat selektif. Tidak ada negara yang menjadi keutamaan. Mana-mana pelaburan yang boleh menyumbang kepada pembangunan Malaysia amat dialu-alukan dan ini termasuk dari China. Saya ingin jelaskan mengapa pelaburan dari China sangat terlihat di Johor.

Pertama, China adalah kuasa ekonomi kedua terbesar dunia. Malah dalam sedikit masa lagi, ia akan menjadi kuasa ekonomi utama global. Justeru, adalah munasabah melihat pelaburan China di Malaysia lebih terserlah. Pergilah ke mana jua, termasuk di Afrika dan Latin Amerika, pelaburan dari China yang menjadikan ekonomi benua-benua itu tumbuh dinamik.

Kedua, China mempunyai kelas menengah seramai 250 juta orang. Ini adalah jumlah kelas menengah yang terbesar di dunia, malah hampir menyamai jumlah penduduk Amerika Syarikat.

Peningkatan secara mendadak semenjak 10 tahun lepas mewujudkan keinginan dan minat yang tinggi dalam kalangan rakyat negara. Tembok Besar itu untuk mempelbagaikan pelaburan mereka di luar negara. Malah rakyatnya adalah pelabur dalam hartanah yang paling besar di Australia, Portugal, Paris, California, Dubai, Abu Dhabi, Singapura dan banyak lagi

kota raya besar di dunia.

Ini adalah fenomena global dan adalah wajar untuk pelbagai usaha dilakukan, lebih-lebih oleh pihak swasta dalam menarik pelaburan dari China, khususnya ke Johor. Apatah lagi, Johor hanyalah bersebelahan dengan Singapura.

Adalah sangat tersasar untuk menyatakan hartanah di Johor hanya untuk pelabur dari China. Sedangkan semua pemaju yang beroperasi di Johor tidak menumpukan rakyat China semata-mata.

Strategi pemasaran mereka bersifat global termasuk menerusi pengiklanan stesen penyiaran paling berpengaruh dunia, CNN. Sasaran mereka pastinya turut mengambil kira potensi pelaburan dari pelbagai kewarganegaraan termasuk Indonesia, India, Korea, Jepun dan Australia.

Pada saya, telahan Tun Mahathir dalam isu ini, tidak ubah seperti kecaman tidak berasas yang sering dilakukan DAP ke atas Johor. Semuanya seakan-akan tidak senang melihat kejayaan dan kemajuan yang sedang diusahakan oleh warga Johor.

Dasar 'Malaysia My Second Home Program'

Malaysia juga memperkenalkan program Malaysia MySecond Home yang menggalakkan kedatangan warga asing untuk bercuti, bekerja atau menetap di sini. Dasar itu turut menganjurkan pemilihan hartanah oleh warga asing mengikut kadar dan syarat-syarat ketat yang ditetapkan dan disemak dari semasa ke semasa.

Ia mahukan menjadikan Malaysia lebih kosmopolitan dengan menawarkan kualiti kehidupan yang setanding dengan negara maju, tetapi dengan keunikan tersendiri. Dasar tersebut diperkenalkan sejak era pentadbiran Tun Mahathir sendiri dan kini diteruskan oleh pentadbiran semasa negara.

Apa yang berlaku di Johor adalah sebahagian dari realisasi dasar tersebut. Kita mahukan menjadikan Johor Bahru destinasi kediaman dengan citra moden bagi masyarakat global. Bukan destinasi untuk mendapat kewarganegaraan ataupun kelayakan untuk mengundi!

Lihat sahaja ratusan ribu pemilik hartanah di Abu Dhabi, Dubai, Doha, Singapura, Bangkok, Melbourne, Sydney. Mereka hadir dengan memberi nilai tambah kepada semua kota besar tersebut. Mereka menjadikan kota-kota itu maju bukan sahaja melalui pelaburan, tetapi juga melalui kehadiran, pengetahuan, gaya hidup, keperluan pendidikan dan kesihatan. Johor Bahru mesti menjadi sebahagian daripada cerita kejayaan global. Dan ia tidak akan sekali-kali digagalkan oleh rakus permainan politik Tun Mahathir dan sekutunya.

Untuk Tun Mahathir, berilah ruang untuk Johor menjayakan cita-citanya menjadikan selatan tanah air ini moden, sejahtera dan maju. Seperti suatu ketika dahulu, kami memberi ruang kepada Tun menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya.

DATUK SERI MOHAMED KHALED NORDIN ialah Menteri Besar Johor.